

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL.4/97**

### **BAYARAN GADAIAN-GADAIAN KEPADA BADAN-BADAN BERKANUN, BANK-BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG TELAH DISENARAIKAN DI DALAM JADUAL D ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930 DAN JADUAL 26A ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam sidangnyanya telah bersetuju memungut bayaran sebagai ganti ke atas sijil-sijil bagi kelulusan dibawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 untuk gadaian kepada Badan-Badan, Bank-Bank atau Institusi-Institusi Kewangan yang telah disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.

2. Pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga menetapkan sebagaimana berikut:-

2.1 Mana-mana gadaian kepada Badan-Badan, Bank-Bank atau Institusi Kewangan yang telah disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938, perlu mendapat surat pengesahan dari Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan atau Pejabat-Pejabat Tanah dimana gadaian tersebut hendak didaftar dan akan dikenakan bayaran sebanyak RM250.00 bagi satu hakmilik dan bayaran memfail RM20.00 dan pecahan jumlah tersebut adalah sebagaimana berikut:-

- i. Bayaran di bawah Seksyen 13A - **RM 150.00**  
Enakmen Rizab Melayu 1930  
( satu hakmilik )
- ii. Bayaran di bawah Seksyen 104 - **RM 100.00**  
Enakmen Tanah Kelantan 1938  
( satu hakmilik )

2.2 Mana-mana gadaian pinjaman perumahan kepada kerajaan, perlu mendapat surat pengesahan dan dikenakan bayaran memfail sebanyak RM20.00 sahaja.

2.3 Mana-mana gadaian perumahan kos rendah kepada Badan-Badan, Bank-Bank atau Institusi-Institusi Kewangan, maka perlu mendapat surat pengesahan dan dikenakan bayaran memfail sebanyak RM20.00 sahaja.

2.4 Mana-mana gadaian kepada Badan-Badan, Bank-Bank atau Institusi-Institusi Kewangan yang melibatkan jumlah pinjaman kurang daripada RM10,000.00, perlu mendapat surat pengesahan dan dikenakan bayaran memfail sebanyak RM20.00 sahaja.

3. Surat pengesahan tersebut dikeluarkan adalah sebagai pemberitahuan bahawa Badan-Badan, Bank-Bank atau Institusi-Institusi Kewangan berkenaan telahpun disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 yang membolehkan mereka memegang gadai mana-mana tanah di Negeri Kelantan

4. Surat pengesahan itu akan dikeluarkan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian atau Pejabat-Pejabat Tanah di mana gadaian tersebut hendak didaftarkan selepas dibuat bayaran sebagaimana di atas.
5. Surat pengesahan tersebut mesti diserahkan bersekali dengan gadaian ( Borang 16A ) semasa pendaftaran hendak dibuat dan akan disimpan oleh pejabat berkenaan.
6. Semua Pentadbir Tanah hendaklah mematuhi Pekeliling ini dan ia berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1997.

**t.t**

**( Dato' Haji Nik Aznan Shah b. Dato' Nik Abdullah )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**KEPADA :**

Y.A.Brs. Semua Pentadbir Tanah  
Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA**

1. Y.A.B. Tuan Guru Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan  
( Tuan Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman )
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B. Dato' Penasihat Undang-Undang, Kelantan.
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN,  
BLOK 3, TKT. BAWAH KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU.  
FAIL: P.T.G. KN.6575/(68)  
BERTARIKH : 08 RABIUL AWAL 1418  
13 JULAI 1997**

Fail : .....

Tarikh : .....

Kepada;

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan,

**PER: SURAT PENGESAHAN GADAIAN TANAH LOT/PT : .....**  
**JENIS & NO. HAKMILIK : ..... BANDAR/PEKAN/MUKIM : .....**  
**..... DAERAH ..... JAJAHAN .....**

Dengan ini disahkan bahawa ..... (Penggadai/Tuan Tanah)  
telah dibenarkan menggadai tanah kepada .....  
dengan pinjaman RM ..... dengan dikenakan bayaran :-

- |       |   |   |                      |
|-------|---|---|----------------------|
| (i)   | Bayaran di bawah Seksyen 13A                                | - | <b>RM 150.00 ( )</b> |
| (ii)  | Bayaran di bawah Seksyen 104<br>Enakmen Tanah Kelantan 1938 | - | <b>RM 100.00 ( )</b> |
| (iii) | Beserta bayaran memfail                                     | - | <b>RM 20.00</b>      |

sebanyak RM ..... (RM: ..... sahaja)

2. Bayaran sebanyak RM ..... bagaimana Resit No.  
..... telah dibuat pada .....

Sekian, terima kasih.

Yang menurut perintah,

.....  
( )

b/p : P.T.G./P.T

\*Sila tanda ( ) yang berkenaan.